



## PANDUAN PENGUNA SISTEM E-KIBLAT PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

### PENDAHULUAN

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan sistem permohonan arah kiblat secara atas talian (*Online*) yang dikenali sebagai **Sistem e-Kiblat Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan**. Sistem ini hanya terpakai bagi permohonan arah kiblat masjid, surau, musholla dan premis-premis awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan **sahaja**.

### PERMOHONAN

- 1) Pemohon hendaklah melayari laman sesawang <http://www.muftiwp.gov.my/arakhikiblat/index.php> untuk menggunakan sistem e-Kiblat Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan secara atas talian (*Online*).
- 2) Pemohon hendaklah mengetik ruangan **BORANG PERMOHONAN ➤** untuk membuat permohonan **baharu** atau **semakan**.
- 3) Pemohon **wajib** mengisi ruangan **A. BUTIR - BUTIR PEMOHON (Semua Medan Wajib Diisi)** dan ruangan **B. BUTIR - BUTIR PREMIS** yang bertanda (\*).
- 4) Pemohon hendaklah mengetik ruangan **Daftar** untuk mendaftar permohonan yang telah selesai diisi atau mengetik ruangan **Reset** untuk mengosongkan semula ruangan yang diisi.
- 5) Permohonan yang telah didaftarkan akan masuk ke bahagian **PENGESAHAN KEMASUKAN MAKLUMAT** untuk mengemaskini permohonan atau mengetik ruangan **Hantar** untuk menghantar permohonan yang telah **lengkap** dan **betul** kepada pentadbir sistem e-Kiblat Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- 6) Pemohon akan dihubungi oleh pegawai dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan untuk menetapkan tarikh, masa dan pegawai yang bertugas di lokasi.
- 7) Pemohon boleh menyemak status permohonan dengan mengetik ruangan **STATUS PERMOHONAN ➤** untuk menyemak waktu temujanji dan pengesahan arah kiblat yang telah diukur.
- 8) Pemohon boleh mengambil **SIJIL PERAKUAN KIBLAT** di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan atau cawangan Labuan.